

# Berita Manmin

NO. 34 30 JUN 2024

Orang yang Telah Bertemu Tuhan



## "Saya sembah daripada asma bronkial yang telah mengganggu saya selama 67 tahun!"

Diaken Junhwan Kim | 84, Paroki Cina 1 di Gereja Pusat Manmin



Saya menderita batuk kokol pada usia 17 tahun. Sejak itu, saya sering sesak nafas dan selalu menghadapi kesulitan bangun pada pagi hari dengan kahak yang tersekat pada kerongkong.

Setiap kali saya diserang selesema, tong sampah saya penuh dengan kertas tisu kerana hingus dan kahak. Pada masa itu, oleh sebab teknologi perubatan belum maju, saya tidak dapat mendapatkan perawatan

khusus untuk tiub bronkial saya dan hanya mengambil suntikan, sehingga meninggalkan banyak bekas suntikan pada punggung dan pembuluh darah.

Kemudian, saya menjadi anggota Gereja Pusat Manmin dan hidup saya berubah melalui firman kehidupan dan doa, lalu saya sembah daripada pelbagai penyakit seperti tekanan darah tinggi, enteritis, dan arthritis. Namun begitu, penyakit kronik saya iaitu asma bronkial, masih menyeksa saya.

Pada bulan Mac 2024, dalam persiapan untuk Perjumpaan Doa Nazar Daniel, saya diingatkan tentang penyembuhan Tuhan bagi banyak penyakit dan percaya bahawa Tuhan akan menyembuhkan saya daripada asma bronkial. Saya menyimpan keinginan yang besar dalam hati saya. Saya menghadiri Perjumpaan Doa Daniel selama 21 hari mulai 11 Mac dan berdoa dengan sungguh-sungguh untuk kesembuhan ilahi bagi asma

bronkial.

Pada hari pertama, rahmat Tuhan turun atas saya seperti air terjun, dan pada setiap malam hati saya sangat berkobar-kobar dan tubuh saya menjadi sangat panas oleh api suci Roh Kudus sehingga pakaian saya dibasahi keringat.

Hal ini terjadi kepada saya pada setiap malam dan pada suatu hari saya berasa kerongkong saya lega. Setelah itu, batuk, kahak, dan gangguan pernafasan hilang sepenuhnya. Asma bronkial selama 67 tahun telah sembuh.

Saya sangat bahagia kerana saya dapat menyanyikan puji-pujian dengan suara yang kuat dan berseri dalam doa dengan bebas. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Yesus yang telah memberkati saya untuk bertemu dengan Tuhan Yang Maha Hidup dan menjalani kehidupan yang penuh sukacita dalam iman.

## "Saya sembah daripada kayap!"



Diaken Jeong-ae Jeon | 65, Paroki Cina 1 di Gereja Pusat Manmin

Pada awal bulan Mac 2024, saya berasa sakit pada bahagian bawah dada kanan. Beberapa hari kemudian, sesuatu yang seperti ruam muncul dan berubah menjadi merah. Saya menyedari bahawa itu ialah kayap dan segera menerima doa daripada rakaman doa Pastor Kanan untuk orang sakit, kemudian keadaan sedikit membaik. Namun begitu,

kayap merebak ke bahagian ketiak lalu menyebabkan rasa gatal dan sakit yang lebih parah, bahkan menyebabkan lepuh.

Saya menghadiri Perjumpaan Doa Nazar Daniel pada 11 Mac, dan dengan sungguh-sungguh berdoa kepada Tuhan sambil merenung kembali masa lalu saya. Perasaan tidak baik, ketidakselesaan, kebencian, iri, dan dengki, dan sebagainya

muncul dalam fikiran, lalu saya bertaubat daripada semuanya. Saya juga berdoa dengan sungguh-sungguh untuk diperbaharu oleh kebenaran.

Dalam Perjumpaan Doa Daniel, saya dengan rasa terdesak menerima doa daripada Pastor Kanan Soojin Lee pada setiap malam dengan iman. Rasa sakit dan lepuh secara beransur-ansur menghilang. Pada 29 Mac saya sembah sepenuhnya ketika saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dan menerima doa beliau untuk orang sakit.

Hal ini membuatkan saya menemukan beberapa bentuk kejahanatan dalam hati saya dan untuk saya berubah ke arah roh dengan menyingkirkan kejahanatan-kejahanan itu agar saya berhasil dalam setiap aspek dan mempunyai kesihatan yang baik sebagaimana jiwa saya sihat. Saya memberikan semua kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan atas rahmat ini.

## "Saya sembah daripada cakera hernia!"

Saya telah mengusahakan restoran kira-kira 20 tahun, yang menyebabkan saya mengalami sakit belakang dan masa yang sukar. Saya selalu merasakan sakit dan kebas pada belakang dan kaki.

Pada 18 Disember 2023, saya pergi berjumpa doktor untuk pemeriksaan rutin lalu doktor memberitahu saya bahawa saraf keempat pada tulang belakang saya termampat dengan teruk. Dia menyarankan saya untuk menjalani pembedahan. Namun begitu, saya ingin sembah dengan iman. Saya menghadiri Perjumpaan Doa Nazar Daniel selama 21 hari pada 11 Mac dan dengan sungguh-sungguh berdoa untuk perubahan dan kesembuhan rohani dengan doa puasa pagi.

Pada 23 Mac, Persidangan Kepimpinan Misi Wanita diadakan. Hal itu melangkaui keadaan saya. Menurut akal, saya tidak dapat menghadirinya. Namun begitu, saya dapat menghadiri persidangan itu dengan bantuan orang lain.

Pastor Kanan Soojin Lee menyampaikan khutbah yang mengagumkan yang seolah-olah mencerminkan hari-hari saya sebelumnya dan fikiran saya. Selepas itu, beliau berdoa untuk semua orang yang



Diaken Kanan Hwasook Kim | 63, Paroki 18 di Gereja Pusat Manmin

hadir, dan saya berasa seolah-olah elektrik menerpa tubuh saya dari kepala sampai kaki. Tubuh saya terasa seperti terbang di angkasa.

Sakit dan ketidakselesaan pada belakang dan kaki hilang serta saya dapat berjalan dengan bebas. Saya kembali ke rumah dengan selesa. Saya terlibat dalam aktiviti menghias telur dan buah-buahan Paskah untuk diagihkan kepada orang di sekitar kita untuk memperingati Paskah lalu kebahagiaan dan sukacita meluap-luap dari dalam hati saya.

Pada 29 Mac, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dengan perasaan kuat, dan hati saya sudah tersentuh pada masa pujian persiapan.

Pastor Kanan Soojin Lee menyampaikan khutbah yang menyentuh hati. Beliau berdoa dengan bersungguh-sungguh untuk orang sakit. Melalui doa beliau, rasa sakit yang paling kecil saya alami pun hilang sepenuhnya.

Pagi keesokannya, saya melibatkan diri dalam kempen berkongsi telur Paskah, dan kami mengagihkannya kepada banyak jiran. Saya sama sekali tidak berasa sakit pada belakang dan kaki sehingga saya kembali ke rumah. Saya memberikan semua kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa yang memberikan anak-anak-Nya yang terkasih kehidupan yang sihat dan bahagia.



Tuhan ialah Cahaya (5)

# Jika Kita Mengaku Dosa-dosa Kita

“Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan melakukan apa yang adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan membersihkan kita daripada segala perbuatan yang salah” (1 Yohanes 1:9)

Tuhan setia dan adil untuk mengampuni dosa kita dan membersihkan kita daripada segala kejahanan jika kita mengaku dosa-dosa kita. Selain itu, Dia akan memberi kita lebih banyak berkat jika kita hidup dalam Cahaya.

Oleh sebab Tuhan ialah Cahaya, kita tidak dapat menyembunyikan apa-apa kegelapan di hadapan-Nya tidak kira sekecil mana pun. Pada masa yang sama, Tuhan adalah setia dan adil, jadi Dia mengampuni kita daripada dosa kita dan membersihkan kita daripada apa-apa kejahanan jika kita mengaku dosa-dosa kita. Namun begitu, masalahnya ialah sesetengah orang mungkin hidup dalam kegelapan tetapi mereka tidak menyadarinya.

Hal ini demikian kerana setiap orang mempunyai piawaian yang berbeza berkenaan pelanggaran dan dosa. Oleh sebab anda mempunyai hati nurani, latar belakang pertumbuhan yang berlainan dan pendidikan yang berbeza, anda mungkin mempunyai kriteria dan piawaian yang berbeza. Sekarang marilah kita meneliti sebab kita tidak dapat berkata di hadapan Tuhan bahawa kita tidak mempunyai dosa, maksud dosa secara spesifik, dan maksud mengakui dosa-dosa kita.

## 1. Sebab Kita Tidak Dapat Berkata di Hadapan Tuhan bahawa Kita Tidak Mempunyai Dosa

1 Yohanes 1:8 menyatakan, “Jika kita berkata bahawa kita tidak berdosa, kita menipu diri sendiri, dan Tuhan tidak ada di dalam hati.” Yang pertama, apakah yang dimaksudkan oleh Tuhan dalam ayat ini?

Menurut Alkitab, dosa datang ke dunia ini untuk kali yang pertama apabila manusia pertama, Adam, dan isterinya mengingkari perintah Tuhan dengan makan daripada pokok pengetahuan yang baik dan yang jahat. Semua keturunannya mewarisi sifat berdosanya, dan justeru itu tiada orang dapat berkata bahawa mereka tidak mempunyai dosa. Inilah maksud ‘dosa asal.’ Ada satu jenis lagi dosa yang dilakukan oleh manusia sendiri, yang dipanggil ‘dosa yang dilakukan sendiri.’

Jika orang tidak menyelesaikan masalah dosa, tiada pilihan bagi mereka melainkan kematian kekal di neraka dan menerima hukuman kekal yang mengerikan. Hal ini seperti yang tertulis dalam Alkitab yang menyatakan

bahawa orang yang berdosa tidak akan mewarisi kerajaan Tuhan mahupun melihat Tuhan (Roma 3:23, 5:12).

Untuk menebus manusia yang telah menjadi orang berdosa daripada dosa mereka, Tuhan Yang Maha Kasih mengutus Anak-Nya yang tunggal, Yesus, ke dunia ini 2,000 tahun yang lalu. Apabila tiba masa yang telah ditentukan-Nya, Yesus memikul salib dengan semua dosa kita pada bahu-Nya lalu mati di atas kayu salib. Namun begitu, Dia telah mengatasi kematian dan bangkit, yang seterusnya membuka jalan keselamatan dengan luas untuk semua manusia. Dengan cara ini, sesiapa yang menerima Yesus sebagai Penyelamat mereka akan dibenarkan oleh iman (Roma 3:24, 5:1), dan memperoleh hak untuk menjadi anak-anak Tuhan (Yohanes 1:12).

Walau bagaimanapun, selagi anda belum disucikan dan bertindak dengan sempurna berdasarkan hukum Tuhan, anda mungkin mempunyai sifat berdosa dalam diri anda walaupun anda telah diampunkan daripada segala dosa dengan iman dalam Yesus Kristus. Bentuk-bentuk kejahanan yang masih ada dalam diri anda mungkin menyebabkan anda melakukan dosa tanpa memikirkan kesannya. Anda mungkin kadangkala melakukan dosa kerana anda tidak mengetahui kebenaran, atau anda mungkin melakukan dosa kerana iman anda lemah walaupun anda mengetahui kebenaran. Oleh itu, tiada sesiapa pun antara anda dapat berkata bahawa anda tidak mempunyai dosa sehingga anda mencapai penyucian sempurna yang diiktiraf oleh Tuhan. Jika anda mengatakan bahawa anda tidak mempunyai dosa, anda sebenarnya menipu diri anda sendiri.

Berikutnya, 1 Yohanes 1:8 menyatakan bahawa kebenaran tidak ada pada diri kita jika kita berkata bahawa kita tidak berdosa. Apakah maksudnya?

Kebenaran yang dimaksudkan itu ialah Firman Tuhan. Orang yang mempunyai kebenaran dalam diri mereka dapat menyadarinya apabila mereka melakukan atau mempunyai sesuatu yang bertentangan dengan Firman Tuhan kerana Roh Kudus mencerminkan hati mereka dengan Firman Tuhan. Oleh itu, jika kebenaran ada dalam diri mereka, mereka tidak dapat mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai dosa sehingga mereka menjadi suci dengan sempurna dan menyungkirkkan setiap

jenis kegelapan.

Bagaimanakah kita dapat menyelesaikan masalah dosa? Kita perlu mengaku dosa kita di hadapan Tuhan. Hanya dengan itu Tuhan dapat mengampuni kita daripada dosa-dosa kita dan membersihkan kita daripada segala kejahanan (1 Yohanes 1:9). Tentang dosa yang kita akui, Dia tidak akan mengatakan bahawa kita mempunyai dosa.

## 2. Dosa yang Dirujuk Secara Khusus dalam hukum Tuhan

'Jenayah' atau 'kesalahan' secara amnya bermaksud pelanggaran undang-undang yang ditetapkan oleh sesebuah negara, masyarakat, atau kumpulan, dan ia berfungsi sebagai dasar untuk menghukum orang yang melanggar undang-undang itu. Definisi yang sama terpakai untuk dosa dalam agama Kristian. Kita mesti mematuhi hukum rohani yang merupakan undang-undang kerajaan Tuhan kerana kita ialah anak-anak Tuhan dan memegang kewarganegaraan syurga selepas menerima keselamatan (Filipi 3:20). Jika kita tidak mematuhi hukum itu, ia merupakan dosa.

Hukum rohani ditetapkan oleh Tuhan yang memiliki dunia rohani, dan ia merupakan Firman Tuhan yang tertulis dalam 66 buku di dalam Alkitab. Seperti yang dinyatakan dalam 1 Yohanes 3:4, "Sesiapa yang berbuat dosa, melanggar hukum Allah, kerana dosa itu pelanggaran terhadap hukum Allah," segala-gala yang bertentangan dengan Alkitab ialah pelanggaran hukum dan dosa. Sudah tentu orang yang bukan Kristian sudah mempunyai dosa pada mulanya kerana tidak percaya kepada Yesus Kristus merupakan dosa (Yohanes 16:9). Sekarang, marilah kita meneliti dosa yang dirujuk secara khusus menurut hukum Tuhan.

Jenis dosa pertama ialah dosa yang dilakukan dalam bentuk tindakan; kerja-kerja badani.

Orang yang melakukan kerja-kerja badani pasti akan menerima hukuman selepas penghakiman dan mereka tidak dapat mewarisi kerajaan Tuhan (1 Korintus 6:9-10; Galatia 5:19-21). Sudah tentu, mungkin kelihatan mustahil bagi anda untuk serta-merta berhenti daripada melakukan kerja-kerja badani sebaik sahaja anda menerima Yesus Kristus dan Roh Kudus. Namun begitu, apabila anda cuba menjalani kehidupan yang suci dengan pertolongan Roh Kudus dan berdoa dengan bersungguh-sungguh, anda dapat menyingsirkan kerja-kerja badani satu demi satu. Tindakan menyingsirkan kerja-kerja badani datang daripada iman, dan begitulah kita harus menjalani kehidupan Kristian kita.

Oleh itu, jika anda masih mempunyai sesuatu yang belum anda singkirkan, anda harus bertaubat, berdoa dengan linangan air mata, dan berpaling dengan pertolongan Roh Kudus. Apabila anda mengaku dosa-dosa anda dan berusaha keras untuk menyingsirkannya dengan cara ini, anda pasti akan dapat menyingsirkannya. Itulah sebabnya Tuhan tidak memanggil orang Kristian sebagai manusia badani, tetapi Dia membolehkan mereka untuk dibenarkan oleh iman. Jika mereka mengaku dosa mereka dan berpaling

daripada dosa, hal ini dianggap sebagai iman dan mereka akan menerima pengampunan daripada Tuhan yang setia dan adil.

Dosa jenis kedua tidak dinyatakan dalam bentuk tindakan tetapi dilakukan dalam fikiran; perkara-perkara badani.

Di hadapan Tuhan yang merupakan Cahaya, semua unsur jahat yang ada dalam hati anda merupakan kegelapan dan dosa (Roma 14:10; Yakobus 4:11-12). Pada zaman Perjanjian Lama, hanya perbuatan melanggar hukum yang ditunjukkan secara luaran dipandang sebagai dosa. Namun begitu, pada zaman Perjanjian Baru, semua perkara yang melanggar hukum termasuk yang ada dalam hati anda juga dianggap sebagai dosa.

Hal ini demikian kerana orang pada zaman Perjanjian Baru dapat menyuntutkan hati mereka dan menghapuskan sifat berdosa dalam hati dengan bergantung kepada Roh Kudus. Apabila mereka diperbaharu melalui penyuntutan hati, Cahaya Yesus Kristus akan tinggal di dalam mereka dan mereka dapat menunjukkan perbuatan Cahaya yang sempurna dari hati mereka.

Cahaya merujuk pengampunan, kasih, dan belas kasihan. Ia mengutamakan kepentingan orang lain dan melihat, mendengar, bertutur dan berfikir dalam kebaikan sepanjang masa. Jika anda mempunyai perkara yang bertentangan seperti menghakimi, mengutuk, kebencian, dan cemburu dalam hati anda, walaupun tidak ditunjukkan secara luaran, anda tidak dapat mengatakan bahawa anda tidak mempunyai dosa. Selain itu, jika anda memikirkan kasih Tuhan Yesus yang disalibkan bagi orang-orang yang berdosa, anda mesti mematuhi perintah Tuhan (1 Yohanes 5:3) dan menghasilkan buah yang merupakan Cahaya.

## 3. Perkara Kegelapan pada Pandangan Tuhan yang Tidak Kelihatan seperti Kegelapan pada Pandangan Manusia

Sesetengah sifat kegelapan mudah ditemui apabila anda mencerminkan hati anda dengan Firman Tuhan, tetapi sesetengah sifat lain nampaknya tidak tergolong dalam kegelapan walaupun asalnya ialah kegelapan.

Sebagai contoh, anda mungkin tidak berasa cemburu apabila orang lain melakukan sesuatu dengan baik, tetapi anda mungkin berasa kecewa dengan diri anda sendiri.

Anda mungkin berfikir bahawa ia bukan kegelapan kerana anda tidak berbuat jahat kepada mereka atau mempunyai perasaan cemburu terhadap mereka. Namun begitu, kasih rohani yang merupakan Cahaya bersukacita dengan kebenaran (1 Korintus 13:6). Apabila anda melihat orang lain menerima lebih banyak kasih dan pengiktirafan berbanding dengan anda, anda perlu bersukacita bersama-sama mereka tanpa berasa kecewa.

Biarlah saya memberikan satu lagi contoh. Anda mungkin telah memecahkan kedamaian walaupun anda berfikir bahawa anda mengikuti kebenaran. Katakanlah anda memberikan pendapat anda dalam perjumpaan dan memujuk orang ramai untuk mengikut idea anda kerana anda berasa bahawa pemikiran anda adalah yang terbaik untuk kerajaan Tuhan. Walaupun anda tahu

bahawa sebahagian daripada mereka tidak menyukai idea anda dan berasa tidak selesa, anda tidak peduli tentang mereka. Namun begitu, kita mesti ingat bahawa apabila kita mengikuti Cahaya, kedamaian secara semula jadi akan mengikuti. Kedamaian ialah jenis hati yang mengikut pendapat orang lain selagi perkara itu bukan dusta walaupun kita berfikir bahawa idea kita sendiri adalah lebih baik. Ia merupakan hati yang tidak mengangkat diri sendiri dan tidak memecahkan kedamaian dengan sesiapa pun.

Selain itu, terdapat banyak contoh lain anda mendedahkan kegelapan walaupun anda berfikir bahawa anda yang melakukan kehendak Tuhan. Katakan seorang pemimpin meminta seorang anggota kumpulan untuk melakukan sesuatu. Bergantung kepada hasil akhir, reaksi setiap orang adalah berbeza.

Jika kerja itu dilakukan dengan baik, pemimpin itu mungkin berkata, "Saya ialah orang yang meminta dia untuk melakukannya, jadi penghargaan untuk kerja itu ialah pencapaian saya." Orang yang melakukan kerja itu pun mungkin berkata, "Sayalah yang melakukan kerja itu. Penghargaan ini adalah untuk saya." Namun begitu, jika berlaku kesilapan, mereka mungkin mengalihkan kesalahan antara satu sama lain tanpa berfikir secara mendalam tentang kesilapan mereka sendiri dan mereka berfikir bahawa mereka adalah betul. Hanya apabila anda menyingkirkan hati yang menyalahkan orang lain barulah anda dapat mencapai hati yang merupakan Cahaya yang menutup pelanggaran orang lain walaupun mereka melakukan dosa yang besar.

Kita tidak boleh mengalihkan kesalahan kepada orang lain atau mengelak daripada tanggungjawab kita. Tuhan akan berasa senang hati dengan kita sekiranya kita mempunyai rasa tanggungjawab dan menyalahkan diri kita sendiri hanya kerana kita terlibat dalam kerja itu, atau jika kita bertahan walaupun kita dianiaya tanpa sebab atau dituduh secara sembarang. Jika demikian, Tuhan tidak akan mengatakan bahawa kita mempunyai dosa. Jika kita sanggup mengaku dosa kita tidak kira sekecil mana pun, Dia akan mengampuni dosa kita, menganggap kita orang yang benar, dan kemudian melindungi dan memimpin kita supaya kita tidak akan menghadapi kesulitan dalam pekerjaan kita.

#### 4. Anda Harus Mengaku Dosa Anda dan Berpaling daripadanya

Mengaku dosa tidak sekadar bermaksud mengaku dosa anda dengan mulut tetapi juga bermaksud berpaling daripada dosa dengan sempurna. Hanya dengan demikian, darah Tuhan Yesus yang sangat berharga dapat membersihkan anda daripada dosa. Namun begitu, jika anda masih mempunyai kebencian dalam hati anda tetapi anda hanya meminta Tuhan untuk mengampuni dosa

anda, Tuhan akan berkata bahawa anda bercakap bohong (1 Yohanes 1:6).

Raja Daud hidup dalam Cahaya dan diakui oleh Tuhan sebagai orang yang menurut hati-Nya, tetapi dia tidak sempurna dari permulaan. Dia pernah mengambil Batsyeba, isteri Uria. Apabila Batsyeba mengandungkan zuriatnya, Daud cuba untuk menutup dosanya dengan banyak cara. Apabila cubaan-cubaannya gagal, Daud membuatkan Uria dibunu oleh orang bukan Yahudi. Hal ini merupakan dosa yang besar. Hal ini demikian kerana dia masih mempunyai perkara kegelapan dalam hatinya seperti nafsu badani, yang merupakan keinginan untuk mengambil apa-apa sahaja yang diingini, dan nafsu mata. Namun begitu, Daud segera bertaubat dan berpaling daripada dosanya apabila Tuhan menunjukkan dosanya melalui Nabi Natan.

Daud menghadapi ujian-ujian yang berat sebagai hukuman atas dosanya. Anaknya dengan Batsyeba mati, dan dia terpaksa melarikan diri daripada Absalom, anaknya yang memberontak terhadap dia. Namun begitu, Daud tidak mengeluh tentang apa-apa atau sesiapa. Walaupun seseorang daripada kaumnya melemparinya dengan batu dan mengutuknya, dia bertahan tanpa goyah, menerima keadaan itu, dan menyerahkan segala-galanya kepada Tuhan.

Apabila Daud dengan sepenuh hati bertaubat dan berpaling daripada dosanya, Tuhan mengampuni dia dan menjadikan dia orang yang sempurna melalui ujian hidup dalam Cahaya tanpa cela.

1 Yohanes 1:9 menyatakan, "Tetapi jika kita mengaku dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan melakukan apa yang adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan membersihkan kita daripada segala perbuatan yang salah." Di sini, "menepati janji-Nya" bermaksud bahawa Tuhan melihat kebaikan kita, bukannya kekurangan kita dan mengampunkan segala pelanggaran kita. "Menepati janji-Nya" bermaksud bahawa Dia akan membangkitkan orang yang dalam kesulitan apabila mereka mengaku dosa mereka dan berpaling daripada dosa serta akan memberikan berkat kepada mereka apabila mereka memperbaharu diri mereka.

Sesetengah orang yang dalam kegelapan tidak mahu datang ke dalam Cahaya. Namun begitu, kita perlu percaya bahawa berkat yang tidak terhingga akan menanti kita sebaik sahaja kita masuk ke dalam Cahaya.

Saudara dan saudari yang saya kasih dalam Kristus. Jika anda mengaku dosa anda kepada Tuhan yang setia dan adil serta hidup dalam Cahaya, Tuhan akan menjawab doa anda. Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus Kristus agar anda mencerminkan diri anda dalam Tuhan yang merupakan Cahaya, menjadi anak-anak Cahaya, dan dengan itu menerima apa-apa sahaja yang anda minta.

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaejang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan  
 (Poskod: 07056)  
<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>  
[www.manminnews.com](http://www.manminnews.com), E-mel: manminhq@manmin.kr  
 Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

## "Saya sembah daripada pening akut dan neuronitis vestibular."

Diaken Aesoon Lee | 61, Paroki 3 di Gereja Pusat Manmin

Pada hari Sabtu, 23 Mac, saya mengalami demam tinggi dan mengambil ubat penurun demam sebanyak beberapa kali. Namun begitu, tidak ada perubahan. Dua hari kemudian saya pergi ke hospital dan mengambil ubat berdasarkan preskripsi doktor. Kemudian, demam saya mereda, dan saya dapat pergi bekerja.

Pagi keesokannya, saya berkeringat dingin dan tidak bertenaga sama sekali. Kemudian, saya berasa sangat pening dan terasa tubuh saya akan segera tumbang. Saya segera menelefon 119 untuk memanggil ambulans. Di hospital, saya tidak dapat membuka mata saya kerana mual dan pening. Pada awalnya MRI, Sinar X, dan imbasan CT pada kepala saya tidak menunjukkan masalah, tetapi akhirnya saya didiagnosis dengan neuronitis vestibular.

Neuronitis vestibular ialah gangguan yang disebabkan oleh peradangan vestibular dan hilangnya rasa keseimbangan yang disertai dengan pening akut. Doktor memberitahu saya untuk dirawat di hospital, tetapi saya kembali ke rumah.

Saya tidak dapat berjalan sendiri



kerana rasa pening yang parah, tetapi pada malam itu saya datang kepada Pastor Kanan Soojin Lee dengan dibantu oleh pemimpin daerah saya. Beliau berdoa untuk saya dengan meletakkan tangan beliau pada saya.

Saya menghadiri Perjumpaan Doa Daniel melalui telefon pintar saya di rumah. Namun begitu, saya tidak dapat menumpukan perhatian kerana semuanya terlihat sangat kabur. Saya menutupkan mata saya dengan meletakkan telefon bimbit pada dada, dan pada masa yang sama saya diingatkan tentang kesalahan saya pada masa lampau lalu saya bertaubat dengan linangan air mata. Setelah beberapa ketika, saya membuka mata saya dan semuanya jelas dalam penglihatan saya tanpa berasa pening sama sekali.

Pagi keesokannya, saya berasa sangat segar seolah-olah tidak ada apa-apa yang terjadi pada saya. Saya pergi ke tempat kerja seperti biasa. Saya memberikan semua kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Yesus kita yang menebus kita daripada segala jenis penyakit dan kelemahan dengan penderitaan dan darah-Nya.

Kuasa Tuhan ditunjukkan secara serentak di seluruh dunia!

Kesembuhan, jawapan, perubahan dan berkat datang kepada anda pada hari ini!

Keajaiban dan transformasi baharu membanjiri hidup anda!

## Retret Musim Panas

Pukul 7:30 petang pada 29 Julai 2024

gcntv.org, manmin.org

Pengkhutbah: Pendeta Dr. Soojin Lee

